

# Seberang Perai raih status bandar raya

Pengisytiharan dapat perkenan Seri Paduka, Rozali diumumkan datuk bandar pertama

Oleh Nur Izzati Mohamad  
bhnews@bh.com.my

**Kepala Batas:** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) diisytiharkan sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), berkuat kuasa semalam.

Yang di-Pertua Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas, menyempurnakan majlis itu selepas menerima surat cara pengisytiharan daripada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraidda Kamaruddin.

Pada majlis sama, Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow, mengumumkan pelantikan Datuk Rozali Mohamad sebagai Datuk Bandar MBSP yang pertama.

Yang turut hadir menyaksikan peristiwa bersejarah itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Datuk Seri Farizan Darus, dan barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Pertukaran status MPSP kepada MBSP dibuat selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Sebelum ini, usaha menaik taraf MPSP kepada MBSP sudah

dilakukan dengan permohonan bertulis dihantar kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada Disember tahun lalu.

Pengisytiharan itu sekali gus menjadikan dua pihak berkuasa tempatan (PBT) di Pulau Pinang kini berstatus bandar raya.

Dalam pada itu, Rozali berkata, MBSP akan mengumumkan beberapa hadiah dan insentif untuk penduduk Seberang Perai, esok, sempena pengisytiharan berkenaan.

"Saya bagi pihak warga MBSP ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua penduduk Seberang Perai yang sentiasa bekerjasama dalam semua program diadakan. Tanpa kerjasama ini, tidak mungkin kita mendapat status bandar raya.

"Oleh itu, saya akan mengumumkan beberapa hadiah atas pengisytiharan ini," katanya kepada media selepas Majlis Pengisytiharan MBSP dan Penyerahan Watikah Pelantikan Datuk Bandar, di sini, semalam.

Beliau yang mula berkhidmat di MPSP pada Februari 1990, sekali gus meluahkan rasa gembira dan bersyukur dengan pengisytiharan itu.

Ditanya lanjut mengenai hadiah dan insentif terbabit, Rozali berkata, pihaknya menetapkan 18 program dan enam garis panduan yang akan memberi kesan terhadap rakyat hasil kenaikan taraf kepada bandar raya itu.

"Insentif atau program yang kita akan adakan ini menepati kehendak rakyat kerana ia hasil sesi libat urus dan perbincangan bersama mereka.

"Justeru, saya pasti rakyat akan meminatinya kerana ia satu perubahan besar, di samping



Abdul Rahman menyerahkan cokmar kepada Rozali pada Majlis Pengisytiharan MBSP dan Penyerahan Watikah Pelantikan Datuk Bandar di Kepala Batas, semalam.  
(Foto Shahnaz Fazlie Shahrizal/BH)

mencapai hala tuju untuk menjadikan Seberang Perai bandar raya rendah karbon pada 2022 dan bebas karbon sepenuhnya pada 2050," katanya.

Zuraidda ketika ditemui media selepas majlis itu pula berkata, beliau berharap PBT di Pulau Pinang dapat menjadi contoh atau model kepada negeri lain.

"Selain itu, sudah tiba masanya projek pembangunan yang akan dibawa ke Pulau Pinang dilaksanakan di kawasan Seberang Perai, manakala di baha-

gian pulau pula dikurangkan demi keseimbangan kedua-dua bandar raya," katanya.

Sementara itu, pekerja restoran, Mastura Mohd Noor, 30, berharap status bandar raya akan meningkatkan pemikiran rakyat Seberang Perai dalam hal berkaitan kebersihan.

"Saya mahu status bandar raya ini dapat dikekalkan sehingga bila-bila kerana ia dapat mendidik minda masyarakat berhubung penjagaan alam sekitar," katanya.